



فرتوبوهن كبڤساڤن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

UMNO/R/PRES/JLD:01/79

4 Ogos 2021 bersamaan 25 Zulhijjah 1442H

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Alhmarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Yang bersemayam di Istana Negara, Kuala Lumpur dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraan.

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan takzimnya serta iringan doa kehadiran Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta seluruh kerabat Duli Tuanku berada dalam selamat dan sejahteranya.

KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk merangkap Presiden UMNO, mohon untuk perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku bagi patik mengutus warkah yang tidak seperti ini.

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO

UMNO/R/PRES/JLD:01/79

4 Ogos 2021 bersamaan 25 Zulhijjah 1442H

Muka surat...2

Ampun Tuaku,

Tujuan utama patik mengutus warkah ini adalah kerana patik ingin mempersembahkan maklum **Surat Akuan tambahan** dari Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional/UMNO yang telah membuat perakuan menarik balik sokongan yang diberikan kepada Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Md Yasin sebagai Perdana Menteri dengan serta merta, seiring dengan keputusan parti UMNO sebagaimana yang telah diputuskan melalui resolusi Majlis Kerja Tertinggi pada 7 Julai 2021.

Surat Akuan tambahan ini adalah sebagai lanjutan kepada warkah patik terdahulu yang menyebutkan akan terdapat Surat Akuan yang akan menyusul.

Ampun Tuanku,

Patik juga ingin sembah maklum, setakat warkah ini dipersembahkan terdapat empat belas (14) Ahli-ahli Parlimen yang telah menandatangani Surat Akuan penarikan sokongan kepada Perikatan Nasional dan Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Haji Md Yasin. Nama-nama mereka adalah seperti berikut:

- | | | |
|--|---|----------------------|
| 1. YB Dato' Seri' Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi | - | Bagan Datuk |
| 2. YB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak | - | Pekan |
| 3. YB Datuk Seri Ahmad Bin Maslan | - | Pontian |
| 4. YB Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Nasarah | - | Lenggong |
| 5. YB Dato' Seri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim | - | Baling |
| 6. YB Dato' Azalina Binti Dato' Othman Said | - | Pengerang |
| 7. YB Datuk Sri Bung Moktar Radin | - | Kinabatangan |
| 8. YB Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub | - | Machang |
| 9. YB Dato' Mohd Nizar Bin Zakaria | - | Parit |
| 10. YB Datuk Ahmad Nazlan Bin Idris | - | Jerantut |
| 11. YB Ramli Bin Dato' Mohd Nor | - | Cameron
Highlands |

UMNO/R/PRES/JLD:01/79

4 Ogos 2021 bersamaan 25 Zulhijjah 1442H

Muka surat...3

- | | | |
|---------------------------------|---|----------------|
| 12. YB Datuk Mohamad Bin Alamin | - | Kimanis |
| 13. Tan Sri Noh Bin Omar | - | Tanjung Karang |
| 14. YBM Tengku Razaleigh Hamzah | - | Gua Musang |

(tidak pernah menandatangani Surat Akuan Bersumpah menyokong Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin dan telah memohon kepada Speaker Dewan Rakyat untuk menukar tempat duduk di Dewan Rakyat)

Ampun Tuanku,


Patik ingin mengesahkan **TIADA** seorang pun Ahli Parlimen yang menarik kembali Surat Akuan yang telah dipersembahkan kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku. Dengan ini patik memperakui empat belas (14) Ahli Parlimen yang telah diabsahkan sepenuhnya.

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak sepertinya ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah S.W.T., dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

Patik dengan segala hormat dan takzimnya.



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI